



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan 1989

DR.23/1988

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan 1989. Tajuk ringkas.

2. Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga belas ribu lapan ratus sebelas juta tiga ratus sembilan puluh tiga ribu sembilan ratus ringgit (\$13,811,393,900) daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 adalah dengan ini dibenarkan, dan wang tersebut itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual. Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989.

JADUAL

Maksud	Tajuk	Amaun \$
B. 1 .. Parlimen		14,864,500
B. 2 .. Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja		617,200
B. 3 .. Jabatan Audit		22,697,600
B. 4 .. Suruhanjaya Pilihanraya		10,949,400

Maksud	Tajuk	Amaun \$
B. 5 ..	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	8,172,400
B. 6 ..	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	3,594,900
B. 7 ..	Jabatan Perdana Menteri	341,160,610
B. 8 ..	Jabatan Perkhidmatan Awam ..	581,624,510
B. 9 ..	Jabatan Perangkaan	30,606,700
B. 10 ..	Jabatan Peguam Negara	10,662,600
B. 11 ..	Badan Pencegah Rasuah	19,455,400
B. 12 ..	Jabatan Perpaduan Negara	14,757,100
B. 13 ..	Kementerian Kehakiman	46,214,300
B. 14 ..	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	44,159,600
B. 15 ..	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	8,681,100
B. 16 ..	Jabatan Perkhidmatan Bomba ..	69,011,100
B. 17 ..	Kementerian Belia dan Sukan ..	32,742,600
B. 18 ..	Kementerian Perusahaan Utama ..	83,207,500
B. 19 ..	Kementerian Pertanian	659,061,700
B. 20 ..	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian	93,021,400
B. 21 ..	Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan	60,472,700
B. 22 ..	Muzium Negara	3,600,500
B. 23 ..	Jabatan Arkib Negara	6,790,400
B. 24 ..	Jabatan Perpustakaan Negara ..	5,848,200
B. 25 ..	Kementerian Pertahanan	2,183,451,900
B. 26 ..	Kementerian Pendidikan	4,334,596,000
B. 27 ..	Kementerian Luar Negeri	156,583,300
B. 28 ..	Perbendaharaan	87,340,200
B. 29 ..	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	204,632,060
B. 30 ..	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	257,007,800
B. 31 ..	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	140,339,800
B. 32 ..	Jabatan Hasil Dalam Negeri	89,152,000
B. 33 ..	Kementerian Perusahaan Awam ..	16,256,800
B. 34 ..	Kementerian Kesihatan	1,221,630,600
B. 35 ..	Kementerian Dalam Negeri	76,014,700
B. 36 ..	Polis Diraja Malaysia	1,108,832,000
B. 37 ..	Jabatan Imigresen	46,349,400

Maksud	Tajuk	Amaun \$
B. 38 ..	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ..	2,913,000
B. 39 ..	Jabatan Pendaftaran Negara	37,242,000
B. 40 ..	Jabatan Penjara	101,413,800
B. 41 ..	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ..	27,727,100
B. 42 ..	Jabatan Percetakan Negara	24,850,300
B. 43 ..	Jabatan Pertahanan Awam	2,474,600
B. 44 ..	Kementerian Penerangan	215,121,600
B. 45 ..	Kementerian Buruh	54,188,500
B. 46 ..	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	67,771,700
B. 47 ..	Kementerian Pengangkutan	135,658,000
B. 48 ..	Jabatan Penerbangan Awam ..	10
B. 49 ..	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos	41,999,100
B. 50 ..	Jabatan Perkhidmatan Pos	10
B. 51 ..	Jabatan Kebajikan Masyarakat ..	51,373,700
B. 52 ..	Kementerian Kerja Raya	351,917,000
B. 53 ..	Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah	307,175,400
B. 54 ..	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar	295,407,500
JUMLAH ..		13,811,393,900

HURAIAN

Rang Undang-undang ini membuat peruntukan bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak tiga belas ribu lapan ratus sebelas juta tiga ratus sembilan puluh tiga ribu sembilan ratus ringgit (\$13,811,393,900) untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan supaya wang tersebut itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual. [PN. (U²) 1511.]